



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Tingkah Laku Kepimpinan Pengetua Dan Hubungannya Dengan Tekanan Kerja Guru Setiausaha Sukan Di Sekolah-Sekolah Menengah Negeri Perak

Oleh

Yusri Yakub



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Kertas Projek ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah
Master Sains (Sains Sukan)
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
Februari 2004



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Pengakuan

Saya akui ini hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.





Yusri Yakub
24 Februari 2004





Pengesahan

Kertas Projek bertajuk " Tingkah Laku Kepimpinan Pengetua Dan Hubungannya Dengan Tekanan Kerja guru-Guru Setiausaha Sukan Di Sekolah Menengah Negeri Perak " oleh Yusri Yakub disediakan sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Master Sains (Sains Sukan) di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia



Prof. Madya. Dr. Aminuddin Bin Haji Yusof
Pensyarah

Jabatan Pengajian Perlakuan Dan Pergerakan Manusia
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Penyelia Projek)

Tarikh : 28/2/2024





Abstrak kertas projek yang dikemukakan kepada senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk mendapat Ijazah Master Sains.

"Tingkah Laku Kepimpinan Pengetua Dan Hubungannya Dengan Tekanan Kerja Guru-Guru Setiausaha Sukan Di Sekolah Menengah Negeri Perak"

Oleh:

Yusri Bin Yakub

Februari 2004

Penyelia : Prof. Madya. Dr. Aminuddin Bin Haji Yusof.

Fakulti : Pengajian Pendidikan.

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan antara tingkah laku kepimpinan pengetua dimensi struktur tugas dan struktur konsiderasi dengan tekanan kerja guru setiausaha sukan di sekolah-sekolah menengah di seluruh Negeri Perak. Kajian ini juga melihat tahap tekanan kerja serta mengenalpasti dimensi tingkah laku kepimpinan yang sering menjadi amalan pengetua di sekolah menengah. Data kajian ini diperolehi melalui soal selidik yang diterima daripada 130 orang guru setiausaha sukan di sekolah-sekolah menengah seluruh Negeri Perak. Penyelidik menggunakan instrumen *Leadership Behaviour Description Questionnaire* (LBDQ) bagi mengukur tingkah laku kepimpinan pengetua dan instrumen *Teacher Stress Inventory* (TSI) bagi mengukur tahap tekanan guru setiausaha sukan sekolah. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 11.0. Hasil kajian menunjukkan terdapatnya hubungan rendah dan negatif antara tingkah laku kepimpinan pengetua dan tekanan kerja, juga tingkah





ii

laku kepemimpinan pengetua dimensi konsiderasi. Bagi pengetua pula, mereka sering mengamalkan dimensi struktur tugas di dalam amalan kepimpinan mereka. Manakala bagi tekanan kerja guru setiausaha sukan pula, dimensi salah laku pelajar mendapat min yang tertinggi, manakala tiada terdapatnya perbezaan antara tekanan antara jantina, sementara bagi kelulusan akademik, hanya dimensi kekangan masa dan sumber serta dimensi perhubungan menunjukkan perbezaan dan bagi pengalaman kerja, hanya dimensi penghargaan yang tidak menunjukkan perhubungan yang signifikan.





Abstract of paper project presented to the senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science.

“ Leadership Behaviour Among School Principal and Relationship With Teacher Work Stress of Secondary School Sport Secretary in Perak ”

By

Yusri Yakub

February 2004

Supervisor : Assoc. Prof. Dr. Aminuddin Bin Haji Yusof.

Faculty : Educational Studies.



This study is aimed to observe the relationship between the principal's leadership behaviour (i.e. initiating structure and consideration structure) and school sport secretary work stress at secondary school in the states of Perak. This study also would like to observe the level of work stress and also leadership behaviour preferred by the school principals. The data of this study were obtained through questionnaires which received from 130 secondary school sport secretary in the states of Perak. The researcher used the LBDQ instrument to measure principal leadership behaviour and TSI instrument to measure secondary school sport secretary work stress. The data were analysed by using the SPSS programme





version 11.0. This study showed that there is low and negative significant difference between principal leadership behaviour and work stress, and also between work stress and consideration structure of principal leadership behaviour. This study also showed that the principals were preferred initiating structure in their leadership behaviour. As for work stress, this study showed that relationship dimension were obtained high mean, whereas there are no significant difference in work stress between male and female respondents, but for the graduate and non graduate respondents there are significant in the dimension of time and source constrained and the dimension of relationship. Whereas between respondents teaching experience, there are significant in all four dimension except appreciation dimension.





Penghargaan

Alhamdulillah.....bersyukur saya kepada Allah yang telah memberikan saya kekuatan dan ketabahan untuk menyempurnakan kertas projek ini. Saya juga bersyukur kerana dengan berkat kerjasama daripada pelbagai pihak, maka semua tugas berhubung dengan kertas projek ini dapat dilakukan dengan jayanya.

Melalui kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya Prof. Madya. Dr. Aminuddin Bin Haji Yusof yang telah banyak memberi bimbingan dan dorongan sehingga terhasilnya kertas projek ini.

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pensyarah di Fakulti Pengajian Pendidikan, terutamanya di Jabatan Pengajian Perlakuan dan Pergerakan Manusia di atas curahan ilmu kepada saya selama saya menuntut di sini. Tidak lupa kepada Pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah memberikan peluang serta membiayai sepanjang pengajian saya di Universiti Putra Malaysia, kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Pendidikan, serta Jabatan Pendidikan Perak kerana telah memberikan kebenaran untuk saya menjalankan soal selidik di sekolah-sekolah menengah yang dipilih.

Penghargaan paling istimewa saya tujukan buat isteri dan anak-anak tersayang kerana sentiasa memahami dan tidak jemu-jemu memberikan galakan, dorongan, semangat serta mendoakan kejayaan ini.

Akhir kata, segala budi dan jasa yang telah disumbangkan oleh semua pihak terhadap kejayaan ini hanya Allah sahajalah yang mampu membalasnya, bagi saya, ianya akan saya kenang sehingga ke akhir hayat.

Sekian, terima kasih.

Yusri Yakub
Februari 2004.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

Pengakuan	
Pengesahan	
Abstrak	i
Abstract	iii
PENGHARGAAN	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x

BAB

I.	PENDAHULUAN	1
	Pengenalan	1
	Pernyataan Masalah.....	7
	Objektif Kajian	11
	Objektif Umum	11
	Objektif Khusus	11
	Persoalan Kajian	12
	Kepentingan Kajian	12
	Delimitasi Kajian.....	15
	Limitasi Kajian.....	15
	Definisi Istilah	17
II.	SOROTAN LITERATUR	20
	Pengenalan	20
	Definisi Kepimpinan	20
	Tingkah Laku Kepimpinan – Dimensi dan Kajian	24
	Model Kepimpinan Situasi Contingency	29
	Teori Path Goal	32
	Kepimpinan Pengetua Dan Model Kontinum	33
	Grid Pengurusan	36
	Konsep Tekanan Kerja.....	44
	Tekanan Kerja Dalam Organisasi	45
	Rumusan.....	52
III.	KAEDAH PENYELIDIKAN	54
	Pengenalan	54
	Rekabentuk Kajian	54
	Pembolehubah Bersandar.....	55
	Pembolehubah Tidak Bersandar	55





vii

Populasi Kajian	55
Persampelan	55
Instrumen Kajian	56
Penganalisaan Data	61

IV. ANALISIS DAN DAPATAN 64

Pengenalan	64
Latar Belakang Responden	64
Jantina Responden	65
Bangsa Responden	65
Umur Responden	66
Taraf Perkahwinan Responden	67
Kelulusan Akademik Responden	68
Pengalaman Mengajar Responden	69
Opsyen Responden	70
Ringkasan Taburan Demografik responden	72
Faktor Tekanan Kerja	73
Hubungan Tingkah Laku Kepimpinan Dan Tekanan Kerja	76
Perbezaan Tekanan Kerja Di Antara Jantina Dan Kelulusan Akademik Serta Hubungan Antara Tekanan Dan Pengalaman Kerja	80
Amalan Tingkah Laku Kepimpinan Pengetua	87
Ringkasan Dapatan Kajian	89

V. PERBINCANGAN DAN CADANGAN 91

Pengenalan	91
Ringkasan Kajian	91
Penemuan Kajian Dan Perbincangan	92
Faktor Tekanan Kerja	92
Hubungan Tingkah Laku kepimpinan Pengetua Dan Tekanan Kerja	101
Perbezaan Tekanan Kerja Di Antara Jantina Dan Kelulusan Akademik Serta Hubungan Antara Tekanan Dan Pengalaman Kerja	105
Amalan Tingkah Laku Kepimpinan Pengetua	112
Kesimpulan	114
Implikasi Kajian	116
Implikasi Praktikal	116
Implikasi Teoritikal	118
Cadangan	120
Penutup	121





BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

- A Instrumen Kajian.
- B Senarai Sekolah Menengah.
- C Model Proses Tekanan.
- D Perincian Dimensi Tekanan Kerja.
- E Perincian Dimensi Tingkah Laku Kepimpinan.
- F Kes Salah Laku Di Sekolah.
- G Kebenaran Menjalankan Penyelidikan.



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1. Petunjuk Item Tingkah Laku Kepimpinan Berdimensikan Struktur Tugas dan Struktur Konsiderasi	60
2. Petunjuk Dimensi dan Item Tekanan Kerja.....	61
3. Skala Kekuatan Korelasi	63
4. Taburan Responden Mengikut Jantina	65
5. Taburan Responden Mengikut Bangsa	66
6. Taburan Responden Mengikut Umur	67
7. Taburan Responden Mengikut Taraf Perkahwinan	68
8. Taburan Kelulusan Akademik Responden	69
9. Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	70
10.Taburan Responden Mengikut Opsyen	61
11.Hasil Analisis Dimensi Tekanan Kerja Responden	75
12.Skala Kekuatan korelasi	77
13.Hubungan (r) Dimensi-Dimensi Tingkah Laku kepimpinan Dan Dimensi-Dimensi Tekanan Kerja	79
14.Keputusan Analisis Ujian-t Perbezaan Dimensi Tekanan Kerja ..	81
15.Analisis ANOVA Sehalu Perbezaan Dimensi Tekanan Kerja Di Antara kelulusan Akademik Responden	84
16.Ujian Post Hoc Scheffe Bagi Dimensi Kekangan Masa Dan Sumber dan Dimensi Perhubungan	85
17.Hubungan Pengalaman kerja responden Dan Dimensi Tekanan Kerja	87
18.Hasil Analisis Dimensi Tingkah Laku Kepimpinan pengetua	88

x

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
1. Kontinum Kepimpinan Dalam Membuat Keputusan	34
2. Grid Pengurusan	36



BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Sekolah sebagai sebuah institusi formal ditubuhkan untuk memenuhi keperluan pembentukan masyarakat yang bertamadun. Sekolah juga ditubuhkan bagi memperkembangkan kemajuan dan pembangunan masyarakat melalui pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran selaras dengan falsafah dan matlamat pendidikan negara. Melalui Falsafah Pendidikan Negara, sekolah adalah tempat memainkan fungsi mengembangkan proses sosialisasi dalam beberapa nilai, intelektual dan kemahiran fizikal para pelajar sebagaimana yang diperlukan oleh masyarakat. Menerusi Falsafah Pendidikan Negara juga, apa yang diingini adalah melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek.

Menurut Atan Long (1984), Pendidikan bertujuan memperkembangkan potensi kanak-kanak hingga ke peringkat yang optimum bagi menjadikan mereka rakyat yang berguna kepada masyarakat dan Negara pada masa hadapan. Secara jelasnya peranan utama sekolah adalah untuk memberikan pendidikan yang sempurna, seimbang dan menyeluruh.

Dalam usaha untuk mencapai hasrat di atas, peranan pentadbir institusi sekolah yang biasanya diketuai oleh pengetua atau guru besar perlu diberikan



perhatian utama. Pengetua atau guru besar sekolah bertanggungjawab untuk menggerakkan dan memudahkan interaksi antara seluruh kaki tangan bagi mewujudkan satu sistem pentadbiran pendidikan yang berkesan dan dapat memberikan manfaat kepada seluruh warga sekolah khususnya para pelajar.

Drake dan Roe (1986) menyatakan yang pengetua mempunyai peranan yang lebih luas iaitu ke arah penekanan pentadbiran pengurusan dan kepimpinan pendidikan. Pengetua bukan sahaja menjalankan tugas mentadbir dan mengurus, bahkan juga berperanan memberi galakan, sokongan dan penghargaan kepada guru-guru dan juga pelajar.

Menurut Omardin Ashaari (1999), pengurusan sekolah yang baik merupakan nadi yang menghidupkan dan menggerakkan sesebuah organisasi itu. Ini dapat dibentuk sekiranya setiap individu yang terlibat di dalamnya dapat memahami ruang lingkup tugas masing-masing. Antara tugas pengurusan sesebuah sekolah termasuklah kegiatan yang memperlihatkan perancangan, kepemimpinan seorang pengetua dan usaha-usaha perubahan yang berlaku dalam mengesan, menyusun dan menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah.

Pengetua sekolah merupakan kakitangan yang terpenting di peringkat sekolah kerana peranannya sebagai pemimpin, pentadbir dan pengurus sekolah. Pengetua merupakan jawatan yang tertinggi di peringkat organisasi sekolah



menengah, dilantik oleh Kementerian Pendidikan, bertanggung jawab atas apa yang berlaku di sekolah dan persekitarannya (Jemaah Nazir Sekolah-Sekolah Persekutuan, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993).

Satu kajian oleh U.S. Senate (1979) yang dipetik dalam Sergiovanni dan Carver (1980 : 305) membuat rumusan :

" in many ways the school principal is the most important and influential individual in any school... it is his leadership that sets the tone of the school, the climate for learning, the level of professionalism and morale of teachers and the degree of concern for what the students may or may not become... if a school is a vibrant, innovative, child-centered place ; if it has a reputation for excellence in teaching ; if students are performing to the best of their ability one can almost always point to the principal's leadership as the key to success"



Pengetua sebagai pemimpin sekolah mempunyai peranan yang besar dalam membawa sekolah ke era kejayaan. Hussein (1993) melihat lima dimensi utama untuk seseorang pengetua berjaya iaitu:-

1. Pengetua sebagai pemimpin teknikal yang seharusnya memainkan peranan sebagai jentera pengurusan. Kepimpinan seumpama ini ditumpukan kepada teknik pengurusan yang cekap dan mahir dalam memanipulasi strategi dan keadaan demi untuk menjamin keberkesanan yang maksimum.
2. Pengetua sebagai pemimpin manusia - Pengetua memainkan peranan jurutera manusia yakni dalam perhubungan sesama manusia. Kemahiran





seperti ini mengutamakan pembangunan tenaga manusia yang ada di sekolah itu.

3. Pengetua sebagai pemimpin pendidikan - Pengetua memainkan peranan sebagai "clinical practitioner" iaitu menyumbang kepakaran dalam bidang pendidikan dan persekolahan. Peranan ini mencakupi kepimpinan pengajaran.
4. Pengetua sebagai pemimpin simbolik - Pengetua memainkan peranan sebagai penghulu yang memberi isyarat tentang nilai dan kepentingan atau tujuan yang hendak dicapai. Visi juga disampaikan melalui cara ini.
5. Pengetua sebagai pemimpin budaya - Pengetua memainkan peranan sebagai "high priest". Pengetua dapat menjalankan peranan menerusi usaha-usahanya mencari, mentafsir dan memperkukuhkan nilai, kepercayaan dan unsur budaya yang dapat menjadikan sekolah itu sebagai sebuah sekolah yang unik.

Pengurusan yang baik, cekap dan berkesan mencerminkan keupayaan kepemimpinan. Pengurusan dan kepemimpinan yang berwibawa serta berkualiti adalah mustahak untuk menggerakkan sesuatu organisasi atau kumpulan dalam melaksanakan sesuatu tugas supaya mencapai objektif dan matlamat. Dalam konteks pendidikan, sekolah berfungsi sebagai satu institusi sosial untuk mencapai objektif dan matlamat sosial. Oleh itu, aspek pengurusan dan kepemimpinan pengetua sekolah amat penting dalam pembentukan budaya kerja. Bergantung kepada sifat dan keadaannya, pengurusan mempunyai kuasa pemboleh ataupun kuasa pembatal, iaitu ia boleh mewujudkan budaya kerja





yang baik, sebaliknya pengurusan itu juga boleh memastikan perkembangan budaya kerja yang sihat (Wan Mohd Zahid, 1995).

Biarpun sebagai seorang pentadbir yang mempunyai kedudukan tertinggi di peringkat organisasi sekolah, seorang pengetua tidak akan dapat mentadbir organisasinya bersendirian. Beliau pasti memerlukan individu lain bagi membantunya menggerakkan jentera pentadbirannya dengan licin serta lebih efektif. Justeru itu sesebuah organisasi sekolah biasanya mempunyai penolong kanan dan juga guru-guru yang dilantik memegang beberapa jawatan penting bagi memastikan bahagian-bahagian tertentu di sekolah berjalan mengikut perancangan yang ditetapkan oleh organisasi.



Bagi seorang pengetua, pelaksanaan tugas yang diamanahkan kepadanya dapat dijalankan dengan berkesan jika ianya dapat mengimbangi antara tuntutan matlamat organisasi dan dalam masa yang sama dapat memenuhi tuntutan keperluan staf di bawahnya. Mengikut Halpin (1957) dalam Cheong Heng Yuen (1988), pemimpin yang dapat membawa ke arah matlamat organisasi dengan berkesan ialah pemimpin yang mementingkan kedua-dua dimensi iaitu penyempurnaan tugas dan konsiderasi hubungan dengan stafnya.

Jadi, dalam membicarakan konteks hubungan antara pengetua dan kakitangan bawahannya maka kajian yang bakal dijalankan ini akan melibatkan hubungan antara pengetua sesebuah sekolah menengah dengan guru-guru





yang memegang jawatan sebagai Setiausaha Sukan di sekolah menengah bantuan penuh kerajaan di Negeri Perak.

Junaidah (1995), melalui kajiannya terhadap tekanan kerja guru beberapa buah sekolah di Kuala Lumpur menunjukkan bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan pentadbiran adalah menjadi faktor utama wujudnya tekanan kerja di kalangan guru. Manakala hasil kajian Md. Hasidin (1995), menunjukkan yang kakitangan sumber yang memegang jawatan tertentu seperti guru kanan, guru penyelaras, ketua panitia dan sebagainya mengalami lebih tekanan berbanding dengan guru-guru yang tidak memegang jawatan penting di sekolah.

Oleh yang demikian kajian ini dilakukan untuk mengetahui perhubungan di antara tingkah laku kepimpinan pengetua dengan tekanan yang dihadapi oleh Setiausaha Sukan sekolah yang bukan sahaja terpaksa melakukan kerja-kerja perancangan, pengurusan dan pelaksanaan sukan sekolah bahkan terpaksa juga menumpukan kepada proses pengajaran dan pembelajaran akademik di bilik darjah.

Secara umumnya, tekanan kerja wujud apabila adanya suatu fenomena atau keadaan yang kurang menyenangkan kepada seseorang individu terhadap persekitaran kerjanya seperti beban kerja yang berlebihan dan tidak seimbang, faktor kekangan masa, terlalu berhati-hati terhadap kecuaian, tuntutan tugas daripada ketua, dan juga jurang interpersonal antara pekerja.





Pernyataan Masalah

Guru merupakan sumber tenaga manusia terpenting dalam pendidikan dan menjadi tenaga penggerak utama dalam organisasi sekolah. Guru yang dilantik memegang jawatan setiausaha sukan sekolah terpaksa memberikan komitmen yang sepenuhnya terhadap perancangan, pengurusan dan pelaksanaan sukan di sekolah, bahkan dalam masa yang sama mereka juga dibebankan dengan tugas akademik di bilik darjah. Jika sumber ini tidak diuruskan secara bijak, banyak permasalahan akan timbul. Sejak kebelakangan ini tekanan kerja di kalangan guru yang memegang jawatan sebagai setiausaha sukan sekolah semakin ketara. Namun, sejauh mana tahap tekanan tersebut masih belum dapat ditentukan. Justeru itu kajian ini diharap dapat merungkaikan beberapa permasalahan dan mengenalpasti sejauh mana tahap tekanan kerja yang dihadapi oleh guru-guru yang memegang jawatan setiausaha sukan sekolah ini.

Menurut Robbins (1979), corak kepemimpinan pengetua yang sesuai dapat meningkatkan prestasi guru bawahannya seterusnya meningkatkan keberkesanan organisasi sekolah. Sebaliknya corak kepemimpinan pengetua yang tidak sesuai akan mengujudkan hubungan yang kurang baik dengan guru. Ini menjadi punca tekanan kepada guru di sekolah.





Secara khususnya permasalahan di atas memerlukan kajian ini kerana pertamanya, tekanan kerja di dalam organisasi sekolah yang melibatkan kalangan guru sekolah secara keseluruhannya telah banyak dinyatakan di dalam kajian literatur yang lepas. Namun demikian, secara spesifiknya kita masih belum melihat secara lebih terperinci bagaimana fenomena ini wujud terhadap golongan guru tertentu di sekolah- sekolah, misalnya guru setiausaha sukan. Bagi golongan ini, fenomena tekanan kerja ini seumpama *silent issue* yang tidak di ketahui umum akan kewujudannya. Justeru itu satu kajian yang khusus menjurus kepada mereka dirasakan amat perlu dan signifikan.

Kedua, kajian ini dilakukan memandangkan wujudnya lompong di dalam literatur yang lepas. Lompong yang wujud ini seharusnya diisi dengan kajian yang khusus, kerana walaupun telah banyak kajian lepas tentang tekanan kerja guru secara keseluruhannya misalnya kajian yang dilakukan di negara kita oleh Siti Rohani (1991), Junaidah (1995), Noordin (1998), dan ramai lagi, namun terdapat kekosongan terhadap kajian yang perlu dilakukan menjurus hanya kepada guru setiausaha sukan sekolah.

Perkara ini timbul adalah kerana didapati, tugas setiausaha sukan sekolah yang bukan sahaja terpaksa memberi tumpuan terhadap pengurusan dan pelaksanaan sukan sekolah bahkan dalam masa yang sama terpaksa memikul tanggung jawab pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Keadaan ini akan memberikan tekanan kepada mereka kerana mereka juga terpaksa





menghadapi kerenah para pelajar, guru-guru lain bahkan juga selalunya terpaksa menghadapi tekanan daripada pihak pentadbiran yang berkehendakkan proses pelaksanaan tugas yang cepat dan efisien.

Oleh yang demikian perkaitan diantara tingkah laku kepimpinan pengetua dengan tekanan kerja yang dihadapi oleh guru setiausaha sukan sekolah perlulah dikaji supaya dapatan kajian ini dapat memberikan gambaran tentang keadaan tingkah laku kepimpinan pengetua dan hubungannya dengan tekanan kerja yang dihadapi oleh setiausaha sukan di sekolah-sekolah menengah. Faktor tekanan kerja yang boleh 'dikawal' ini boleh dijadikan panduan umum kepada semua guru untuk meningkatkan kualiti kerja. Kajian ini juga perlu dan dapat memberikan input kepada pengetua dalam melaksanakan pengurusan sekolah secara lebih berkesan terutamanya yang berkaitan dengan bidang sukan.

Adalah penting untuk mengkaji perbezaan faktor tekanan kerja diantara jantina, kelulusan akademik dan pengalaman kerja di kalangan guru setiausaha sukan. Ini adalah kerana terdapatnya darjah perbezaan tekanan di antara individu dan faktor jantina misalnya kajian yang telah dilakukan oleh Laughlin (1984) dan Siti Rohani Md Sharif (1991) mendapati terdapatnya darjah tekanan yang berbeza-beza di antara guru lelaki dan wanita.



Faktor kelulusan akademik juga dilihat signifikan untuk dikaji kerana fenomena pada masa sekarang masih lagi terdapat guru yang dilantik memegang jawatan setiausaha sukan sekolah terdiri daripada pelbagai latar belakang kelulusan akademik. Misalnya guru yang dilantik sebagai setiausaha sukan yang tidak mempunyai latar belakang pengurusan sukan atau pendidikan jasmani tentulah berbeza paras tekanan mereka dengan guru yang mempunyai latar belakang atau pengalaman di dalam bidang berkenaan. Misalnya kajian yang dilakukan oleh Robbins (1979) mendapati beberapa faktor yang menyebabkan tekanan kerja dan salah satunya adalah tuntutan tugas. Jadi kajian yang akan dilakukan ini akan menyingkap sama ada tuntutan tugas yang diberikan kepada guru-guru setiausaha sukan ini relevan dengan latar belakang pendidikan mereka dan jika tidak, adakah wujud darjah tekanan kepada guru-guru ini.

Pengalaman kerja juga menentukan tahap tekanan yang dialami oleh guru setiausaha sukan sekolah. Biasanya guru yang telah lama bertugas mempunyai lebih banyak pengalaman berbanding dengan guru yang baru. Namun demikian, kita masih tidak pasti adakah guru yang telah lama bertugas ini mempunyai lebih tekanan atau sebaliknya berbanding dengan guru baru ini.

Seterusnya, adalah penting untuk mengkaji pertalian atau hubungan diantara dimensi-dimensi kepimpinan pengetua dan dimensi-dimensi tekanan kerja guru setiausaha sukan sekolah. Ini mendapat gambaran secara

keseluruhannya apakah wujud perhubungan yang signifikan diantara dimensi-dimensi tersebut. Sementara itu amalan kepemimpinan pengetua juga perlu dikenal pasti kerana amalan ini mungkin juga memberi kesan terhadap tekanan kerja guru-guru di sekolah. Akhirnya berdasarkan perbincangan-perbincangan di atas, kajian ini akan mengkaji permasalahan berikut: adakah terdapat pertalian diantara tingkah laku kepimpinan pengetua dan hubungannya dengan tekanan kerja guru setiausaha sukan di sekolah menengah Negeri Perak?

Objektif Kajian

Objektif Umum

Secara amnya kajian yang dijalankan adalah untuk melihat persepsi guru setiausaha sukan sekolah terhadap tingkah laku kepimpinan pengetua dan hubungannya dengan tekanan yang dihadapi oleh guru setiausaha sukan di sekolah menengah.

Objektif Khusus

1. Mengenalpasti faktor utama yang menyumbang terhadap tekanan kerja yang dialami oleh guru setiausaha sukan di sekolah menengah secara keseluruhan.
2. Untuk mengetahui perkaitan di antara tingkah laku kepimpinan pengetua dengan tekanan kerja guru setiausaha sukan di sekolah menengah.



Persoalan Kajian

Persoalan-persoalan kajian adalah seperti berikut :

1. Apakah faktor utama yang menyumbang terhadap tekanan kerja yang dialami oleh guru-guru setiausaha sukan di sekolah menengah Negeri Perak?
2. Adakah terdapat perhubungan yang signifikan antara dimensi kepimpinan pengetua dan tekanan kerja guru setiausaha sukan sekolah-sekolah menengah di Negeri Perak?
3. Apakah terdapat perbezaan tekanan kerja di antara jantina dan kelulusan akademik, dan apakah pengalaman kerja mempunyai hubungan dengan dimensi-dimensi tekanan kerja di kalangan guru setiausaha sukan di sekolah-sekolah menengah di Negeri Perak?
4. Apakah dimensi tingkah laku kepimpinan yang sering menjadi amalan pengetua di sekolah-sekolah menengah negeri Perak?

Kepentingan Kajian

Guru-guru memainkan peranan penting dalam pelaksanaan Dasar Pendidikan Negara. Mereka merupakan penggerak dan berada di barisan hadapan dalam usaha melaksanakan matlamat pendidikan berdasarkan





Falsafah Pendidikan Negara. Sehubungan dengan itu, satu kajian untuk mengetahui faktor tekanan kerja guru adalah perlu demi memastikan tahap prestasi kerja golongan ini sentiasa berada pada tahap yang sepatutnya dan tidak berada di bawah paras tekanan kerja yang boleh menjejaskan prestasi mereka seterusnya mendatangkan kesan terhadap proses pendidikan di sekolah.

Di dalam konteks ini, setiausaha sukan sekolah dilihat mewakili populasi guru yang amat sibuk dan mudah terdedah kepada tekanan kerja, kerana mereka bukan sahaja terpaksa memikul tugas dalam pengurusan sukan sekolah bahkan mereka juga bertindak seperti guru-guru lain dalam proses pengajaran dan pembelajaran akademik di dalam bilik-bilik darjah. Selain daripada itu, guru setiausaha sukan sekolah tidak diperuntukkan atau dijanjikan sebarang ganjaran sama ada dalam bentuk kewangan atau kenaikan pangkat, bahkan kadang-kadang menjadi mangsa cemuhan guru-guru lain dan pihak pentadbir sekolah sendiri yang tidak memahami tugas seorang guru setiausaha sukan.

Justeru itu, sekolah yang berkesan hanya dapat dibentuk melalui kemahiran dan kebijaksanaan kepimpinan pengetuanya serta perhubungan dengan kakitangan bawahannya. Melalui kajian ini diyakini akan dapat memberi input kepada pengetua dalam melaksanakan pengurusan sekolah secara lebih berkesan.





Melalui hasil kajian ini juga, diharap pihak Kementerian Pendidikan Malaysia akan mendapat input yang lebih jelas tentang perasaan dan sikap guru-guru umumnya terhadap kepimpinan organisasi sekolah dan juga tahap tekanan kerja guru-guru terutamanya guru setiausaha sukan dalam melaksanakan tanggung jawab mereka. Seterusnya langkah-langkah susulan yang bersesuaian boleh diambil berdasarkan dapatan daripada kajian ini demi untuk kepentingan bidang pendidikan negara ini.

Kajian ini juga memberi manfaat kepada guru-guru khususnya yang memegang jawatan setiausaha sukan sekolah bagi melahirkan perasaan sebenar mereka terhadap aspek-aspek yang berkaitan dengan tugas yang mereka lakukan. Mereka boleh mengambil peluang ini bagi menjelaskan ukuran sebenar tahap tekanan yang mereka hadapi kesan daripada tingkah laku kepimpinan pengetua.

Dengan mengenalpasti perhubungan yang wujud diantara tingkah laku kepimpinan pengetua dengan tekanan kerja yang dihadapi oleh guru setiausaha sukan sekolah, secara teoritikalnya akan memberi gambaran tambahan terhadap fenomena yang sedia ada sebagaimana yang digambarkan dan didapati oleh kajian-kajian lepas tentang kewujudan tekanan kerja ini di kalangan guru serta hubungannya dengan kepimpinan pengetua. Seterusnya juga kajian ini akan memberikan sumbangan dari perspektif yang berlainan dan spesifik terhadap





bagaimana fenomena tekanan kerja ini wujud kepada guru setiausaha sukan sekolah sahaja dan bukannya secara keseluruhan guru-guru di sekolah.

Delimitasi Kajian

Delimitasi kajian ini adalah :

1. Kajian tertumpu kepada subjek seramai 191 orang yang memegang jawatan sebagai guru setiausaha sukan sekolah menengah bantuan penuh kerajaan di Negeri Perak.
2. Subjek-subjek kajian ini dikehendaki mengisi set soalan kaji selidik yang dikirim melalui pos ke sekolah-sekolah yang terlibat.
3. Instrumen kajian yang terdiri daripada set soalan kaji selidik mengandungi tiga bahagian, iaitu Bahagian A yang berkenaan dengan maklumat diri, Bahagian B yang berkenaan dengan tingkah laku kepimpinan pengetua, dan Bahagian C yang berkenaan dengan tekanan kerja guru.

Limitasi Kajian

Limitasi kajian adalah :

1. Kemungkinan tindak balas yang berat sebelah (bias). Oleh kerana soalan soal selidik hanya dikirim melalui pos kepada pihak sekolah, maka terdapat kemungkinan yang soalan tersebut tidak mendapat tindak balas





daripada subjek yang sebenarnya. Ini sama ada kerana subjek tidak mempunyai masa yang terluang dan membiarkan orang lain yang memberikan tindak balas, ataupun tindak balas dilakukan sendiri oleh pengetua tanpa pengetahuan subjek kerana soal selidik berkenaan ingin mengukur kepimpinan beliau.

2. Kemungkinan pengaruh daripada pembolehubah-pembolehubah yang diluar kawalan. Pengaruh-pengaruh diluar kawalan seperti masalah rumah tangga subjek, kerja sampingan yang dilakukan oleh subjek diluar waktu kerja dan sebagainya juga akan mempengaruhi hasil kajian ini.



3. Kemungkinan tiadanya kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan di dalam kajian ini. Walau bagaimanapun, sebelum penyelidik mengambil keputusan untuk menggunakan instrumen ini, penyelidik telah memastikan yang instrumen ini mempunyai tahap kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi disamping ianya telah digunakan oleh ramai penyelidik sebelum ini sama ada di negara kita ataupun di luar negara. Kesahan maklumat adalah bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan serta sukarela pihak guru-guru setiausaha sukan yang mengambil bahagian dalam menjawab soal selidik. Menurut Mohd Majid (2000), kesahan sesuatu alat ukur adalah sejauh mana ianya boleh mengukur data yang sepatutnya dikehendaki mengukur.





4. Kemungkinan berlaku regresi dalam penganalisaan statistik. Ini mungkin berlaku jika data demografik yang didapati dari kajian ini misalnya menunjukkan dari segi jantina subjek lelaki adalah terlalu ekstrim melebihi subjek wanita atau seumpamanya.
5. Oleh kerana kajian ini dibatasi dari segi lokasi, sampel dan aspek-aspek kajian, maka hasil kajian tidak dapat mewakili guru-guru setiausaha sukan di sekolah-sekolah menengah di negeri-negeri lain di negara ini.

Definisi Istilah



Berikut adalah beberapa definisi istilah yang digunakan di dalam kajian ini:

Pengetua

Pengetua dilantik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengetuai guru, kakitangan dan pelajar-pelajar di dalam organisasi sekolah. Dalam organisasi sekolah pengetua merupakan ketua eksekutif dan pemimpin. Pengetua juga bertindak sebagai pengurus dan pentadbir. Sebagai pemimpin, pentadbir dan pengurus, pengetua merupakan orang yang paling berpengaruh untuk mencorakkan budaya dan hala tuju sekolah serta berperanan menentukan matlamat sekolah, membuat keputusan dan melaksanakan perubahan-perubahan Pendidikan.





Tingkah Laku Kepimpinan

Sesuatu struktur kemahuan yang terselindung dalam diri seseorang pemimpin dan mempengaruhi gelagatnya dalam berbagai-bagai suasana kepimpinan. Oleh itu, tingkah laku kepimpinan seseorang pemimpin itu bergantung kepada keseragaman matlamat dan kemahuan pemimpin dalam suasana yang berlainan.

Tekanan Kerja Guru

Satu fenomena yang wujud di kalangan guru-guru yang bertugas di sekolah dimana mereka merasa kurang selesa, tertekan dan kadang-kadang terjadinya konflik diantara kebebasannya dengan komitmennya terhadap organisasi dan tuntutan di tempat kerja. Secara umumnya tekanan kerja wujud apabila adanya keadaan yang kurang menyenangkan terhadap pekerjaan dan persekitarannya di tempat kerja.

Organisasi Sekolah

Satu entiti sosial atau struktur pentadbiran dan fungsional yang dikoordinasikan secara sedar dan mempunyai sempadan yang dikenalpasti. Organisasi sekolah terdiri daripada seorang individu sebagai pentadbir iaitu pengetua atau guru besar dan sekumpulan orang yang dikenali sebagai kakitangan yang terdiri daripada guru-guru dan kakitangan sokongan yang





mencebur diri dalam suatu usaha yang sistematik dan berterusan bagi mencapai objektif serta matlamat yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Setiausaha Sukan Sekolah

Setiausaha sukan sekolah dilantik oleh pengetua bagi membantu organisasi sekolah di dalam membuat perancangan, pengurusan dan pelaksanaan di dalam bidang yang berkaitan dengan sukan sekolah selaras dengan matlamat yang ditetapkan oleh organisasi sekolah.

